

## PENGARUH FAKTOR GURU DALAM PENGUASAAN BIDANG JAWI DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI KALANGAN MURID TAHUN ENAM DI SEKOLAH KEBANGSAAN RANTAU PANJANG

\***Nursyahirah Wahidah Binti Masrom**  
Universiti Selangor  
[syahirahwahidah@unisel.edu.my](mailto:syahirahwahidah@unisel.edu.my)

**Rabi'atul Aribah Binti Muhamad Isa @ Omar**  
Universiti Selangor  
[rabiatul86@unisel.edu.my](mailto:rabiatul86@unisel.edu.my)

**Mohd Azuan Bin Sulaiman**  
Universiti Selangor  
[azuan87@unisel.edu.my](mailto:azuan87@unisel.edu.my)

**Abdul Rahimi Bin Abdul Rahman**  
Universiti Selangor  
[abdulrahimi1106@gmail.com](mailto:abdulrahimi1106@gmail.com)

### Abstrak

*Penguasaan bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting terutama sekali dalam mengenal huruf Jawi. Murid yang lemah penguasaan huruf Jawi akan menyebabkan keciciran apabila rakan sekelas mengikuti kemahiran yang lebih tinggi dan semakin sukar. Tambahan pula, hal ini akan menyebabkan murid susah mengingat kembali apa yang diajar dan terkeliru dengan bunyi serta bentuk huruf yang hampir sama sebutan dan bentuknya. Seterusnya keadaan ini menjadi lebih sukar apabila buku teks Pendidikan Islam dan BBM disediakan dalam tulisan Jawi. Pernyataan masalah yang wujud ialah pencapaian murid dalam bidang Jawi yang tidak konsisten dari tahun ke tahun. Oleh itu, peranan faktor guru mempengaruhi penguasaan murid terhadap bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji pengaruh faktor guru dalam penguasaan bidang Jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. Metodologi penyelidikan ini pula menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah menemu bual guru Pendidikan Islam berkaitan penyediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan analisis teks induktif menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8.0. Hasil kajian mendapati sebahagian besar penguasaan bidang Jawi amat dipengaruhi oleh pengajaran guru di samping faktor lain seperti rakan sebaya, dorongan ibu bapa dan minat terhadap bidang Jawi.*

**Kata kunci:** Bidang Jawi, Pendidikan Islam, Faktor Guru

**THE IMPACT OF TEACHER FACTORS IN MASTERING JAWI SCRIPT IN ISLAMIC  
EDUCATION AMONG THE YEAR SIX STUDENTS IN THE SEKOLAH  
KEBANGSAAN RANTAU PANJANG**

**Abstract**

*Islamic education subjects place a high value on mastery of the Jawi script, particularly when it comes to understanding the Jawi alphabet. Students with inadequate Jawi alphabet knowledge will drop out when their peers follow higher and harder skills. Moreover, this will make it tougher for students to remember what they have been taught and cause them to become confused by the pronunciation and shapes of consonants that are nearly identical with other consonants. This situation becomes more difficult when Islamic Education textbooks and teaching materials are provided in Jawi script. The problem statement in this study is the achievement of students in the subject of Jawi Script varies from year to year. As a result, the student's level of expertise in the field of Islamic Education is influenced by the role of the teacher in the process. The purpose of this study was to investigate the impact of teaching factors on students' understanding of Jawi Script for the subject of Islamic Education among year six students at Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. The method was based on a qualitative approach by interviewing Islamic Education teachers on their Teaching and Learning (PdP) preparation. The data were analyzed using the ATLAS.ti version 8.0 software. The results of this analysis revealed that the teacher's instruction had a significant impact on the Jawi script mastery, including elements like peer pressure, parental support, and interest in the Jawi script.*

**Keywords:** Field of Jawi, Pendidikan Islam, Teacher Factor

## **PENGENALAN**

### **Latar belakang kajian**

Sekolah Kebangsaan merupakan sekolah yang dikelola oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu salah satu kementerian di bawah bidang kuasa Kerajaan Malaysia. Menurut laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Sumber Dan Teknologi Pendidikan merupakan bahagian yang menyediakan buku teks dan sukanan pelajaran di semua Sekolah Kebangsaan di Malaysia. Jaafar, Osman, Saidin & Abdan (2017) menyatakan bahawa pada tahun 1984, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memasukkan bidang Jawi dalam Sukatan Pelajaran. Pendidikan Islam bermula dari darjah tiga dan seterusnya pada Disember 1990, bidang Jawi diperluaskan perlaksanaannya iaitu bermula dari murid darjah satu.

Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Semakan Tahun 1 Pendidikan Islam (2016), sukanan pelajaran bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam merangkumi beberapa objektif utama iaitu; mengenal, menyebut dan menulis huruf Jawi tunggal; membaca, membina dan menulis rangkai kata; membaca, membina dan menulis pelbagai jenis teks, dan; mengenal dan menulis Khat Nasakh dan Khat Riq'ah. Kesemua objektif ini dirangka bagi murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam dari darjah satu hingga darjah enam.

Penguasaan bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam amat penting. Menurut Mamat & Ismail (2010), penguasaan murid dalam setiap kemahiran asas dalam bidang Jawi amat perlu terutama sekali mengenal huruf Jawi. Bagi murid yang kurang mengenal huruf Jawi akan menyebabkan murid tersebut tertinggal apabila rakan sebayanya telah mengikut kemahiran yang lebih tinggi dan semakin sukar. Tambahan pula, perkara ini akan menyebabkan murid susah mengingat kembali apa yang diajar dan terkeliru dengan bunyi serta bentuk huruf yang hampir sama sebutan dan bentuknya. Perkara ini menjadi lebih bahaya apabila buku teks Pendidikan Islam dan alat bantu mengajar yang digunakan ditulis dalam tulisan Jawi.

Penulisan kajian ini dibuat supaya pengkaji dapat mengenal pasti faktor penguasaan murid dalam bidang Jawi melalui guru terhadap murid darjah enam yang mempelajari Pendidikan Islam. Selain itu, pengkaji juga mengambil kira jumlah murid yang tidak mengikuti sesi persekolahan di Sekolah Agama yang pada hemat pengkaji ia merupakan faktor lain bagi penguasaan bidang Jawi di kalangan murid. Antara faktor guru yang ingin dikaji ialah persediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) guru dalam bidang Jawi, Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan

untuk mengajar bidang Jawi, penguasaan murid darjah enam dalam bidang Jawi serta cadangan dan pendapat daripada informan atau guru yang ditemui bual oleh pengkaji.

### **Pernyataan masalah**

Berdasarkan laporan statistik pencapaian bidang Jawi kohort 2005, yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menunjukkan pencapaian yang tidak konsisten di mana pencapaian murid tahun satu sehingga tahun empat menunjukkan peningkatan yang baik dalam penguasaan bidang Jawi. Namun, pencapaian murid tahun lima dan seterusnya dalam bidang Jawi mula menurun. Penurunan pencapaian murid ini menimbulkan persoalan iaitu adakah masalah tersebut disebabkan oleh pengaruh faktor guru yang mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

Kajian yang telah dijalankan oleh Ismail & Othman (2012) mendapati bahawa faktor guru merupakan faktor yang terbesar dalam penguasaan murid bagi sesuatu mata pelajaran. Dapatkan kajian mendapati bahawa kumpulan murid yang berpencapaian rendah menunjukkan pengajaran guru memberikan kesan langsung kepada kefahaman dan penguasaan. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan oleh kebanyakan murid bergantung kepada kaedah pengajaran guru dan penggunaan bahan bantu mengajar semata-mata. Ismail & Othman (2012) turut menambah bahawa perkara ini terjadi kerana mereka sukar untuk memahami pengajaran guru melainkan guru menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai dan menarik serta dibantu oleh bahan bantu mengajar yang relevan.

Selain itu, perlu juga melihat sekiranya wujud faktor-faktor lain yang membantu murid bagi menguasai bidang Jawi di samping pengajaran guru semata-mata di sekolah kebangsaan. Ini selari dengan Sutrisno & Siswanto (2016) yang menyatakan bahawa selain daripada pengajaran guru yang memberikan pengaruh yang besar dalam penguasaan murid terhadap sesuatu mata pelajaran, wujud juga faktor lain seperti bahan bantu mengajar, penguasaan serta motivasi murid. Faktor bahan bantu mengajar sedikit sebanyak memberi kesan kepada murid terutama perkara yang melibatkan teori atau fakta yang sukar dirungkaikan oleh minda murid yang belum ada asas yang kukuh berkenaan sesuatu perkara. Sebagai contoh, bentuk huruf tunggal sebelum dan selepas disambung dengan huruf yang lain. Manakala faktor motivasi murid juga mempengaruhi minat murid untuk mempelajari bidang Jawi. Semakin tinggi motivasi murid, maka semakin tinggi minat yang seterusnya menyumbang kepada penguasaan bidang Jawi yang semakin baik.

## **Objektif kajian**

Dalam memastikan kajian ini berjalan dengan baik, pengkaji telah menyasarkan objektif untuk dicapai agar kajian ini tidak terkeluar daripada landasan yang sebenar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh faktor guru dalam penguasaan bidang jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang.

## **Tinjauan Literatur**

Pengkaji telah merujuk beberapa buah artikel mengenai pengaruh faktor guru dalam penguasaan bidang jawi. Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih terperinci tentang pengaruh faktor guru dalam penguasaan bidang jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

### **I. Faktor Guru dalam Penguasaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)**

Menurut Mohd Razali, Sufahani & Arbin (2015), faktor utama yang mempengaruhi pencapaian murid adalah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berpusat kepada guru. Ini termasuk kaedah pengajaran guru, penerangan guru dan toleransi guru. Berdasarkan kajian Mohd Razali et al. (2015) yang dilakukan terhadap sekumpulan murid berkaitan penguasaan sesuatu mata pelajaran mendapati bahawa faktor utama yang mempengaruhi pencapaian murid adalah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Kaedah pengajaran guru merangkumi penggunaan teknik pengajaran yang menyeronokkan dan tidak membebankan murid, perkara ini dapat menarik minat murid untuk mengikuti pengajaran dengan lebih berkesan sekali gus meningkatkan minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran. Tanpa teknik pengajaran yang betul, murid tidak mampu mengulang kaji pelajaran secara efisien dan berkesan (Mohd Razali et al., 2015).

Menurut Abdul & Yusof (2017) pula, faktor pengajaran guru lebih mempengaruhi dalam penguasaan murid bagi sesuatu mata pelajaran berbanding faktor sikap dan faktor minat. Guru perlu menggunakan kaedah, pendekatan atau teknik pengajaran yang pelbagai bagi memastikan murid dapat menguasai mata pelajaran tersebut sekaligus dapat menghasilkan keputusan yang cemerlang. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Abdul & Yusof (2017), dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi pencapaian murid dari faktor guru adalah pengajaran yang disampaikan oleh guru mudah difahami, guru sentiasa membantu dalam membetulkan kesilapan murid semasa belajar dan guru menggunakan bahan bantu mengajar yang bersesuaian semasa Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Abu & Leong (2014) berkata bahawa aspek pengajaran memberikan kesan yang langsung terhadap pencapaian murid dalam sesuatu mata pelajaran. Ini berteraskan pendapat murid bahawa kaedah pengajaran guru mempengaruhi pencapaian murid dalam mata pelajaran mereka. Antara contohnya ialah kaedah dan cara pengajaran guru yang pelbagai, penggunaan alat bantu mengajar serta aktiviti yang dijalankan berkaitan dengan isi dan objektif pembelajaran agar menarik minat murid. Oleh sebab itu, guru perlu memilih dan menentukan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut masa, keadaan dan isu terkini termasuklah dalam kemahiran bidang Jawi Pendidikan Islam.

## II. Kaedah Pengajaran Bidang Jawi di Sekolah Kebangsaan

Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Semakan Tahun 1 Pendidikan Islam (2016), sukanan pelajaran bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam merangkumi beberapa objektif utama iaitu; mengenal, menyebut dan menulis huruf Jawi tunggal; membaca, membina dan menulis rangkai kata; membaca, membina dan menulis pelbagai jenis teks, dan; mengenal dan menulis Khat Nasakh dan Khat Riqayah. Kesemua objektif ini dirangka bagi murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam dari darjah satu hingga darjah enam.


Mamat & Ismail (2010) menyatakan bahawa terdapat beberapa kaedah pembelajaran bahagian Jawi yang sering digunakan oleh guru di sekolah. Kaedah pembelajaran bidang jawi terbahagi kepada dua kemahiran iaitu kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dalam kemahiran membaca, ia dipecahkan kepada dua teknik iaitu teknik umum dan teknik khas di mana murid akan disaringkan untuk mengenal pasti kelemahan yang dihadapi oleh murid sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Manakala bagi kemahiran menulis ia terbahagi kepada dua iaitu merangkumi konsep belajar sambil bermain dan pengelolaan pengajaran dan pembelajaran. Bagi konsep belajar sambil bermain, terdapat beberapa permainan yang dijalankan seperti Roda Impian Jawi, Joran Jawi dan Pandai Joran. Manakala bagi pengelolaan pengajaran dan pembelajaran, ia lebih kepada aktiviti yang dijalankan sama ada dijalankan secara individu, kumpulan atau kelas.

## III. Penguasaan Bidang Jawi

Hamid, Mohamad & Ahmad (2016) mendapati bahawa tahap penguasaan pembacaan dan penulisan Jawi berada pada tahap sederhana dan memperlihatkan penguasaan pembacaan mendahului penulisan. Berdasarkan kajian Hamid et al. (2016) mendapati bahawa kemahiran membaca Jawi lebih tinggi daripada penguasaan menulis. Namun, kemahiran membaca dan

menulis ini berada pada tahap sederhana. Lebih membimbangkan lagi, terdapat hampir 40 peratus murid kurang setuju bahawa mereka dapat menyambung huruf-huruf Jawi dengan baik walaupun perkara ini menjadi asas kepada penulisan jawi (Hamid et al., 2016).

Menurut Mat, Awang & Ismail (2016), kebanyakan murid-murid sangat berkeupayaan untuk mendengar, bertutur dan berfikir dalam bidang Jawi. Namun, terdapat segelintir murid kurang berkeupayaan dalam menguasai bacaan, menulis, menyambung huruf Jawi dan mengenal huruf Jawi. Perkara ini menjelaskan kelancaran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kerana ada sebahagian murid tidak berupaya menyiapkan latihan dan latih tubi jawi dengan betul dan tepat pada masanya. Kesemua aspek ini dikesan dalam pembelajaran kelas harian dan ketika ujian membaca teks jawi secara spontan melalui Ujian Pencapaian bulanan murid di dalam kelas. Selain itu, hanya sebahagian murid berupaya melakukan tugas secara kreatif dan inovatif yang diberikan oleh guru (Mat et al., 2016). Berikut merupakan kerangka konsep kajian yang dijalankan dengan mengenal pasti jenis sekolah yang diikuti oleh murid darjah 6 dan pengaruh faktor guru untuk mengetahui penguasaan murid dalam bidang Jawi.



Rajah 1: Kerangka Konsep Penguasaan Murid dalam Bidang Jawi bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam

## **METODOLOGI**

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif ini untuk mengkaji fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan lain-lain (Kamarul & Ab Halim, 2007). Ini bersesuaian dengan kajian melibatkan individu iaitu guru yang mengajar di sesebuah institusi atau sekolah. Oleh kerana kajian ini ingin meneroka pengaruh faktor guru dalam penguasaan bidang jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan murid darjah enam, maka pendekatan kualitatif adalah bersesuaian bagi menjawab objektif serta persoalan kajian yang timbul.

Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif yang mana dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenal pasti dengan mendalam dan terperinci dengan mengekalkan keasliannya secara holistik (Patton, 1990). Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Kamarul & Ab Halim, 2007).

Di samping itu, pengkaji juga dapat memaparkan peristiwa sebenar yang berlaku dilihat dan dialami dalam persekitaran yang dikaji (Kamarul & Ab Halim, 2007). Dengan pendekatan kualitatif ini bukan sahaja membolehkan pengkaji bertemu dengan peserta kajian, malah pengkaji dapat memahami secara langsung apa yang berlaku dan berinteraksi dengan mereka (Kamarul & Ab Halim, 2007). Ia dapat memberi makna tentang sesuatu fenomena yang diperhatikan atau yang diluahkan oleh peserta kajian.

### **Peserta Kajian**

Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta-fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Silverman, 2010). Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam, 2009). Informan dalam kajian ini merupakan seorang guru Pendidikan Islam darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. Justifikasi pemilihan guru ini kerana terdapat seorang sahaja guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang. Ini turut

dibantu dengan data pemerhatian dan analisis dokumen mengenai faktor guru dalam penguasaan bidang Jawi.

### **Instrumen kajian**

John Creswell (2009) menyatakan bahawa peranan pengkaji merupakan instrumen kajian di mana ia membolehkan kajian yang dilakukan dapat difahami dengan lebih baik bagi membuat interpretasi data memandangkan berlakunya interaksi dinamik antara pengkaji, peserta dan konteks kajian. Pengkaji sebagai alat kajian juga mudah menyesuaikan diri mengikut situasi kajian lapangan serta strategi kajian yang digunakan.

### **Kaedah pengumpulan data**

Dalam kajian kualitatif ini, pengkaji haruslah berupaya memproses data serta merta, mampu memperjelas dan merumuskan data serta peka dengan pengaruh persekitaran (Merriam, 2001). Terdapat beberapa prosedur pengumpulan data yang melibatkan pengumpulan data dari temu bual dan analisis dokumen.

Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang pengkaji menyoal untuk mendapatkan jawapan-jawapan atau respons yang dihajati daripada peserta kajian (Robson, 2002). Pengumpulan data temu bual dijalankan terhadap seorang guru yang mengajar bidang jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang.

Selain temu bual, pelbagai dokumen peserta kajian juga diteliti. Rashed (2016) menyatakan bahawa dokumen adalah salah satu komponen penting dalam pengumpulan data. Data yang tersedia dalam dokumen seperti buku rekod mengajar dan buku latihan murid memberi banyak input yang diperlukan. Malah dokumen-dokumen seperti itu yang kaya dengan data dapat mengurangkan kerja tanpa perlu menyediakan tugas tambahan. Menurut Creswell (2012) tiada sebab untuk mengumpul data baru jika terdapat maklumat daripada dokumen yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian.

### **Analisis data**


Data-data yang dikutip tidak akan memberi makna tanpa membuat analisis. Kajian kualitatif juga memerlukan pengkaji bersedia untuk mengurus sebarang bentuk data yang diperolehi untuk

membolehkan ianya bermakna (Richards, 2005). Pelbagai aktiviti perlu dibuat semasa menganalisis data seperti proses menggabung, mengurang dan membuat interpretasi berdasarkan apa yang dikatakan oleh peserta kajian dan apa yang diperhati atau dibaca untuk memberi makna kepada data (Merriam, 1998).

Analisis data bermula sebaik sahaja dikumpul untuk memperoleh makna tertentu yang digunakan untuk memandu kajian. Oleh itu, mengurus dan mengkategorikan data adalah komponen terpenting sepanjang penyelidikan dari awal sehingga ke peringkat kesimpulan dapatan kajian (Merriam, 1998). Dalam konteks menganalisis data kualitatif, pengkaji telah menganalisis semua data secara terperinci dan dibantu dengan data pemerhatian melalui keadaan murid, suasana bilik darjah dan bahan bantu mengajar yang digunakan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Perisian ATLAS.ti versi 8.0 digunakan untuk memudahkan analisis teks dilakukan.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian ini berkaitan dengan pengaruh faktor guru dalam penguasaan bidang jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam melalui beberapa kerangka konsep yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu jenis sekolah yang diikuti oleh murid darjah enam, persediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan dan penguasaan bidang Jawi murid darjah 6. Keseluruhan data dalam persoalan kajian ini terhasil daripada hasil temu bual guru Pendidikan Islam darjah 6 sebagai data utama.



Rajah 1: Dapatan Kajian Faktor Guru dalam Penguasaan Bidang Jawi

#### ***Jenis sekolah yang diikuti oleh murid darjah enam (6)***

Murid darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dibahagikan kepada dua kelas iaitu kelas 6 Gemilang (6G) dan 6 Cemerlang (6C). Seramai 25 orang murid dari kelas 6G dan 26 orang murid dari kelas 6C yang menjadikan jumlah keseluruhan murid darjah enam yang mengikuti bidang Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seramai 51 orang murid. Kesemua murid-murid tersebut mengikut mata pelajaran Pendidikan Islam dan sekaligus mempelajari bidang Jawi yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan.

Selain itu, pengkaji juga diberitahu bahawa terdapat sedikit sahaja murid yang tidak mengikuti Sekolah Agama iaitu Sekolah Rendah Agama atau Kelas Agama Fardhu Ain. Seramai 3 orang dari kelas 6G dan 6 orang dari kelas 6C tidak mengikuti Sekolah Agama. Informan telah menyatakan bahawa terdapat faktor utama yang menyebabkan beberapa murid darjah enam tidak mengikuti Sekolah Agama iaitu kelonggaran penguatkuasaan undang-undang berkaitan pendidikan Sekolah Agama. Terdapat peruntukan undang-undang sekiranya ibu bapa gagal menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan dan tiada mana-mana peruntukan undang-undang yang tidak

memaksa ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Agama. Jadual berikut merupakan perincian maklumat berkaitan jenis sekolah yang diikuti oleh murid darjah enam:

Kelas	Murid yang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam	Murid yang tidak mengikuti Sekolah Agama
6 Gemilang	25 orang murid	3 orang murid
6 Cemerlang	26 orang murid	6 orang murid
Jumlah Murid	51 orang murid	9 orang murid

### ***Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bidang Jawi***

Persediaan yang dilakukan oleh informan ialah menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) sebelum memulakan pengajaran dalam bidang Jawi. RPH tersebut akan memfokuskan kepada objektif yang ingin diajar pada kelas tersebut. Selain daripada RPH, informan juga mengenal pasti dan memilih Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai dengan tajuk yang akan diajar. Penyediaan BBM sukar dibuat oleh kerana Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dilanda banjir yang mengakibatkan sebahagian besar BBM tidak sempat diselamatkan serta rosak dihanyut air. Namun, informan memberitahu bahawa guru di sekolah tersebut tetap menggunakan BBM yang berasaskan atas talian dan menggunakan teknologi terkini seperti penggunaan slaid dan video tayangan.

Selain daripada RPH dan BBM, informan turut menyatakan bahawa mereka turut mengambil kira faktor sosial seperti motivasi murid, sikap murid dan persekitaran murid sewaktu membuat persediaan untuk mengajar bidang Jawi. Informan menambah, sekiranya motivasi murid tiada, maka pembelajaran pada kelas tersebut akan terbantut yang seterusnya mengakibatkan objektif yang ditetapkan dalam RPH tidak dapat dicapai. Informan juga berpendapat bahawa masalah sosial murid perlu diselesaikan sebelum PdP bermula agar dapat menjamin kelancaran kelas pada hari tersebut.

Selanjutnya, kaedah pengajaran yang digunakan bagi kedua-dua kelas adalah berpusatkan guru dan berpusatkan BBM. Namun bagi kelas 6G, kadangkala guru menggunakan kaedah pengajaran

berpusatkan murid. Hal ini berlaku kerana, informan memberitahu bahawa terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh guru sekiranya kaedah pengajaran berpusatkan murid digunakan dalam kelas 6C yang menyebabkan pengajaran bidang Jawi tidak dapat dijalankan dengan baik.

#### ***Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan untuk mengajar bidang Jawi***

Kekangan utama yang wujud sewaktu menggunakan BBM adalah masa yang terhad. Masa yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi bidang Jawi hanya 30 minit untuk seminggu. Oleh yang demikian, informan menyatakan bahawa penggunaan ABM atau BBM perlu dipilih sebaiknya sebelum PdP dengan mengambil kira faktor sosial murid, penerangan cara penggunaan BBM serta langkah-langkah lain yang ada dalam RPH.

#### ***Penguasaan bidang Jawi murid darjah enam***

Penguasaan bidang Jawi jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seperti bidang al-Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah dan adab merupakan bidang yang teratas dan mempengaruhi bidang-bidang yang lain. Hal ini kerana, informan menyatakan bahawa sekiranya seseorang murid kurang mahir dalam bidang Jawi, maka penguasaan bidang lain dilihat agak merosot. Dalam kata lain, bidang Jawi merupakan asas dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kesungguhan murid untuk mempelajari bidang Jawi bagi menguasai bidang Jawi sebahagian besar bergantung terhadap pembawaan guru di dalam kelas dan minat murid terhadap guru. Jika seorang guru tidak dapat membawa kelas yang diajarinya dengan baik, maka hasil kelas tersebut juga menunjukkan hasil yang kurang memberangsangkan. Informan menyatakan bahawa terdapat sebahagian kecil guru yang tidak diminati oleh murid yang menyebabkan murid turut tidak berminat untuk tidak mempelajari bukan sahaja bidang Jawi namun terhadap keseluruhan mata pelajaran Pendidikan Islam. Informan juga menyebut bahawa hampir 60% daripada kelas 6G menunjukkan minat dalam bidang Jawi dan hampir 40% daripada kelas 6C yang menunjukkan minat dalam bidang Jawi. Kemungkinan lain yang mempengaruhi minat murid dalam bidang Jawi adalah murid merasakan bahawa ia tidak sepenting mata pelajaran asas yang ada seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Bagi penguasaan bidang Jawi murid secara khusus dalam pemahaman menunjukkan penguasaan yang kurang memberangsangkan. Hal ini berdasarkan fakta yang diberikan informan

iaitu semua murid mampu memahami manakala sebahagian kecil murid terutama murid dari kelas 6C kurang menguasai dari segi membaca dan menulis Jawi.

Dalam mengukuhkan penguasaan murid dalam bidang Jawi, terdapat aktiviti yang dijalankan bagi tujuan tersebut. Suatu kem yang khas dijalankan hasil daripada idea dan arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Kem Cemerlang Jawi (KCJ). KCJ merupakan kem tahunan yang perlu dijalankan oleh pihak sekolah bagi mengukuhkan bidang Jawi di kalangan murid. KCJ dijalankan dengan memfokuskan aspek-aspek yang didapati murid kurang dan lemah menguasai seperti imbuhan, menukar huruf dari rumi ke jawi dan sebagainya yang dikenal pasti oleh guru bahawa rata-rata pelajar lemah dalam sesuatu bahagian.

Penilaian dan pengukuran murid dalam bidang Jawi amat perlu agar guru dapat mengetahui tahap sebenar murid dalam penguasaan bidang Jawi. Informan menyatakan bahawa penilaian yang dibuat adalah secara berterusan di dalam kelas. Sebagai contoh, guru akan meminta murid membaca dan menulis di dalam kelas, maka jawapan murid tersebut akan diambil lalu dinilai sebagai markah bagi mengukur tahap penguasaan murid dari masa ke masa. Tambahan pula, murid sentiasa tahu bahawa mereka sedang di nilai oleh guru mereka.

Selain faktor guru yang dilihat memberikan kesan terhadap penguasaan murid dalam bidang Jawi, tidak dapat dinafikan bahawa wujud faktor sokongan yang menambah penguasaan murid dalam bidang Jawi. Antara faktor sokongan tersebut adalah murid yang mengikuti Sekolah Agama, pembelajaran kendiri di rumah serta sokongan daripada ibu bapa dan rakan sebaya.

Perbincangan penguasaan bidang Jawi dalam kajian ini memfokuskan kepada pengaruh faktor guru iaitu melibatkan persediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bidang Jawi, Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang digunakan untuk mengajar bidang Jawi dan penguasaan bidang Jawi murid darjah enam. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengetahui faktor lain seperti sekolah yang diikuti oleh murid darjah enam serta faktor yang dikenal pasti oleh guru yang mempengaruhi penguasaan bidang Jawi murid darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang.

Hampir semua murid di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang mengikuti Sekolah Agama yang merangkumi Sekolah Rendah Agama atau Kelas Agama Fardhu Ain. Bilangan murid yang tidak mengikuti Sekolah Agama amat rendah iaitu 9 orang murid daripada 51 orang murid darjah enam. Menurut informan, murid yang mengikuti Sekolah Agama lebih menguasai bidang Jawi berbanding dengan murid yang tidak mengikuti Sekolah Agama.

Selain itu, terdapat beberapa persediaan yang dilakukan oleh guru sebelum mengajar bidang Jawi, antaranya:

i. Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

RPH yang direncanakan oleh guru akan memfokuskan kepada objektif pengajaran yang ingin dicapai bagi kelas tersebut. Dengan penyediaan RPH, guru tersebut tidak akan tersasar daripada objektif asal yang ingin dicapai.

ii. Pemilihan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang sesuai

Walaupun Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang telah dilanda banjir yang mengakibatkan sebahagian besar BBM tidak dapat diselamatkan dan mengalami kerosakan, namun guru di sekolah tersebut masih menjalankan BBM dengan menggunakan kemudahan dan teknologi yang ada. Guru mengambil inspirasi daripada capaian Internet untuk membuat slaid dan memilih video yang sesuai untuk ditayangkan.

iii. Persediaan murid

Guru juga mengambil maklum berkenaan keadaan murid yang diajar. Ini setelah mengambil kira faktor sosial murid seperti motivasi, sikap dan persekitaran murid. Sekiranya murid mengalami sesuatu kejadian yang mengakibatkan motivasinya rendah, mengalami perubahan sikap yang ketara dan persekitaran yang tidak selesa, maka PdP yang dijalankan tidak mampu untuk mencapai objektif yang dirancangkan.

iv. Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai

Guru cenderung memilih kaedah berpusatkan guru dan berpusatkan BBM agar kelas yang dijalankan dapat mencapai objektif. Hal ini kerana, terdapat sebahagian kecil murid yang tidak dapat memberikan kerjasama sekiranya guru memilih untuk membuat kaedah pengajaran berpusatkan murid.

Tambahan pula, kaedah pengajaran yang berpusatkan BBM digunakan oleh guru dengan sebaiknya. Namun, kekangan utama yang timbul adalah masa mengajar yang singkat. Hal ini berlaku kerana, masa yang diperuntukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi bidang Jawi hanya 30 minit untuk seminggu. Perkara ini diakui oleh guru Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dan mereka mengajar sebaik mungkin bagi memberikan kualiti yang terbaik kepada murid. Selain itu, guru juga perlu mengambil masa untuk menerangkan cara penggunaan BBM tersebut sebelum memulakan sesi PdP. Penerangan BBM juga memerlukan sedikit masa yang ada.

Oleh itu, pemilihan BBM amat dititikberatkan oleh guru agar dapat mengoptimumkan penggunaan masa yang ada.

Beberapa aspek yang dilihat bagi menilai penguasaan bidang Jawi murid darjah enam iaitu:

i. Penguasaan bidang Jawi terhadap bidang-bidang lain

Bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Pendidikan Islam adalah al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Di antara kesemua bidang yang disenaraikan, bidang Jawi merupakan bidang yang paling asas untuk dikuasai oleh murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam. Ini kerana, dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, hampir kesemua teks, latihan dan bahan bantu mengajar dalam tulisan Jawi. Sekiranya murid kurang menguasai bidang Jawi, ini secara tidak langsung akan mempengaruhi pencapaian murid secara keseluruhan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

ii. Kesungguhan murid untuk mempelajari bidang Jawi

Kesungguhan murid untuk mempelajari bidang Jawi sebahagian besar datang daripada cara pembawaan guru di dalam kelas. Sekiranya pembawaan guru dalam kelas dapat menarik minat murid, maka secara tidak langsung murid akan minat dengan bidang Jawi dan sekaligus minat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain daripada itu, kesungguhan murid untuk mempelajari bidang Jawi datang daripada persepsi murid terhadap bidang Jawi berbanding mata pelajaran lain. Ini kerana ada sesetengah murid merasakan bahawa bidang Jawi tidak sepenting mata pelajaran asas yang ada seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

iii. Penguasaan bidang Jawi murid

Penguasaan murid dalam bidang Jawi merangkumi memahami dan menguasai bidang Jawi tersebut. Rata-rata pelajar menunjukkan bahawa mereka kurang menguasai bidang Jawi dari segi bacaan dan penulisan Jawi.

iv. Aktiviti yang dijalankan bagi mengukuh bidang Jawi

Aktiviti yang dijalankan hanyalah berdasarkan arahan yang diberikan oleh KPM iaitu Kem Cemerlang Jawi yang perlu dilakukan saban tahun. Dalam kem ini, ia memfokuskan kepada aspek dalam bidang Jawi yang didapati oleh guru rata-rata murid lemah dalam salah satu cabang dalam bidang Jawi.

v. Penilaian dan pengukuran murid

Penilaian dan pengukuran guru terhadap murid dalam bidang Jawi dilakukan secara berkala di dalam kelas. Antara kaedah yang digunakan adalah guru meminta murid menulis dan membaca teks jawi, kemudian guru akan menilai penguasaan murid dalam bidang Jawi.

vi. Faktor lain yang dikenal pasti oleh guru

Faktor lain yang dikenal pasti oleh guru ialah faktor murid mengikuti Sekolah Agama, pembelajaran kendiri di rumah dan mendapat sokongan daripada ibu bapa serta bimbingan rakan sebaya.

## KESIMPULAN

Justeru, murid darjah enam di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang menunjukkan bahawa pengaruh faktor guru memainkan peranan besar dalam penguasaan bidang Jawi bagi mata pelajaran pendidikan Islam. Ini dapat dilihat apabila guru Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang menceritakan bagaimana pendekatan yang digunakan oleh guru mampu mempengaruhi minat murid yang seterusnya dapat meningkatkan penguasaan murid dalam bidang Jawi. Ini selari dengan Abdul & Yusof (2017), iaitu faktor pengajaran guru lebih mempengaruhi dalam penguasaan murid bagi sesuatu mata pelajaran. Guru perlu menggunakan kaedah, pendekatan atau teknik pengajaran yang pelbagai bagi memastikan murid dapat menguasai mata pelajaran tersebut sekaligus dapat menghasilkan keputusan yang cemerlang. Kajian ini hanya boleh digeneralisasikan di Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang dan tidak terpakai kepada sekolah dalam kawasan yang sama. Oleh itu, kajian perlu diperluaskan dengan menemu bual sampel responden di kalangan murid yang tidak bersekolah agama sebagai pengukur kepada pencapaian guru dalam meningkatkan penguasaan jawi dalam kalangan murid di sekolah rendah.

## **RUJUKAN**

- Akmariah Mamat & Sofiah Ismail. (2010, November). Kaedah pengajaran dan pembelajaran guru pemulihan jawi di Malaysia. In *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI* (pp. 321-329).
- Azman Che Mat, Azarudin Awang & Munirah Ismail. (2016). Penguasaan kemahiran membaca dan menulis jawi murid Kelas Al-Quran & Fardhu Ain (KAFA) tahun 5: Satu kajian kes. In *International Conference on Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, (pp 691–712)
- Cresswell, J.W. 2012. *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Boston: Pearson.
- Murniyati Abdul, & Suziawati Yusof. (2017). Faktor yang mempengaruhi penguasaan pelajar bagi kursus problem solving and program design (DFC1042). *Proceeding of the Malaysia TVET on Research via Exposition 2017*, 44, 505-515.  
<http://apps2.psmza.edu.my/matrix/eproceeding/papers/44.pdf>
- Noor Erma Abu, & Leong, K. E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1).  
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8058/5571>
- John W. Creswell. 2009. *Research design: Qualitative, quantitative and mixed Methods approaches*. (3rd ed.) United States: SAGE Publication.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam kedah pengajaran dan pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.  
[http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book\\_2/KAEDAH\\_PENGAJARAN\\_DAN\\_PEMBELAJARAN\\_GURU\\_PEMULIHAN\\_JAWI\\_DI\\_MALAYSIA.PDF](http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book_2/KAEDAH_PENGAJARAN_DAN_PEMBELAJARAN_GURU_PEMULIHAN_JAWI_DI_MALAYSIA.PDF)
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. (2nd ed.). San Francisco: Jossey-Bass Inc.

Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.

Mohd Sukki Othman, & Mohd Fadzli Ismail (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pengajaran & pembelajaran bahasa Arab: Satu tinjauan di SMAP Kajang. In *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*, Port Dickson, Negeri Sembilan (pp 173–189). <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/31832/>

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications.

Rafisah Osman, Fauziah Md Jaafar, Khaliza Saidin & Nurhafizah Abdan. (2017). Kesan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap pencapaian akademik penguasaan kemahiran jawi. *Ulum Islamiyyah*, 19, 57–70.  
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/4297>

Richards, J. C. (2005). *Communicative language teaching today*. Singapore: RELC, 1-44.

Robson, C. (2002). *Real world research: A resource for social scientists and practitioner-researchers*. (2nd ed.). Oxford: Blackwell Publishers Ltd.

Silverman, D. 2010. *Doing qualitative research*. London: Sage Publication.

Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad, & Azman Ahmad. (2016). Statistik penguasaan jawi dalam kalangan murid sekolah rendah agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(2), 50–63. <https://103.53.35.75/ijhtc/article/view/814>

Siti Noor Asyikin Mohd Razali, Suliadi Firdaus Sufahani & Norazman Arbin. (2015). Pencapaian kursus matematik dan statistik di kalangan pelajar UTHM: Faktor mempengaruhi dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih diminati. *Journal of Techno-Social*, 7(2). Retrieved from  
<https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1208>

Sutrisno, V. L. P., & Siswanto, B. T. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi hasil belajar siswa pada pembelajaran praktik kelistrikan otomotif SMK di Kota Yogyakarta. *Jurnal Pendidikan Vokasi*, 6(1), 111-120.

Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). *Amalan pengintegrasian ilmu sains dan Al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor*. (Tesis, Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM). <http://myto.upm.edu.my/find/Record/.b1651824x/Description>